

02/09/1998

Belia 4B yakin ekonomi rancak semula

KUALA LUMPUR, Selasa - Gerakan Belia 4B Malaysia percaya langkah kawalan spekulasi ringgit yang dilaksanakan kerajaan mampu merancakkan semula pertumbuhan ekonomi apabila nilai ringgit dalam negara tetap.

Presidennya, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata langkah itu memudahkan peniaga dan pelabur, khususnya usahawan tempatan berurus niaga tanpa bimbang risiko ringgit susut nilai.

Malah, katanya, menerusi langkah itu kegiatan pedagang mata wang akan terhad kerana bukan saja aliran keluar ringgit terkawal tetapi banyak ringgit akan dibawa masuk untuk disimpan dalam negara.

"Ia wajar bagi memulihkan ekonomi negara yang kini tidak stabil akibat spekulator mata wang mengambil alih peranan menentukan nilai ringgit," katanya mengulas pengumuman langkah kawalan spekulasi ringgit oleh Bank Negara.

Langkah yang turut dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pengumuman khas petang ini akan menyebabkan ringgit tidak lagi sah diperlakukan di luar negara, mulai 1 Oktober ini.

(END)